Tarikh Dibaca: 21 APRIL 2023M I 30 RAMADHAN 1444H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

"MERAIH HASIL TARBIAH RAMADHAN"

Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"MERAIH HASIL TARBIAH RAMADHAN"

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِدنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وصَحْبِهِ وصَحْبِهِ الْجُمَعِيْنَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَآ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اِتَّقُواْ اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَاأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ١٠٠٠ تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ١٠٠٠

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan para jemaah agar bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi hamba Allah SWT yang diredai di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "MERAIH HASIL TARBIAH RAMADHAN."

² ali-Imran: 102

¹ al-Baqarah : 21.



Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Ramadhan kini di penghujungnya. Sebulan sudah kita menjalani ibadah di bulan Ramadhan yang diberkati ini dengan pelbagai amalan ibadah khususnya puasa, bacaan al-Quran, zikir, infak harta sama ada sedekah atau zakat, melazimi qiamullail dengan pelaksanaan solat sunat terawih, witir dan lain-lain solat sunat. Kesemuanya dilaksanakan dalam menjunjung seruan serta perintah-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu bertakwa."

Takwa merupakan tujuan yang menjadi ukuran keberhasilan daripada ibadah puasa atau apa yang disebutkan hari ini sebagai *Key Performance Indicators* (KPI) iaitu Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama. Justeru, bagaimana dengan prestasi iman kita kian berakhirnya Ramadhan ini? Bimbang dengan situasi orang-orang berpuasa sebagaimana digambarkan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa daripadanya melainkan lapar dan boleh jadi orang yang qiam itu tidak mendapat apa-apa daripadanya melainkan hanya berjaga malam."

(Riwayat Ibnu Majah).

Takwa adalah soal hati atau rahsia antara kita dengan Allah SWT. Namun tahap ketakwaan dapat kita nilaikan melalui petunjuknya. Apakah yang dimaksudkan takwa? Takwa diertikan sebagai kesolehan atau



ketaatan dalam mengerjakan perintah Allah SWT. Menurut Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu:

"Takwa itu adalah kamu sentiasa mengingati Allah SWT dan tidak melupakannya, dipatuhi dan tidak diderhakai, disyukuri dan tidak diingkari."

Ibn Ataillah al-Sakandari membahagikan takwa kepada dua iaitu zahir dan batin. Zahirnya dengan menjaga had atau batasan syarak dan batinnya dengan niat yang ikhlas.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,

Ramadhan sebagai bulan tarbiah mengajarkan sifat ketekunan dan ketelitian dalam beribadah sama ada secara zahir atau batin. Puasa yang dijalani hakikatnya bukan hanya sekadar menahan lapar dan dahaga. Akan tetapi puasa itu dilaksanakan dalam segenap upaya dan setiap anggota zahir di mana mata, telinga, tangan dan kaki berpuasa sambil menahan keinginan nafsu yang tidak patut diperturutkan. Bahkan hati sebagai anggota batin dikawal selia agar sentiasa suci murni dengan niat ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.

Ramadhan sebagai bulan ibadah mengajarkan sifat-sifat kehambaan yang terpuji seperti tawaduk, khusyuk dan ikhlas. Hadis riwayat al-Bukhari daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu mengenai Ramadhan datang dalam tiga lafaz berbeza iaitu: pertama, Nabi SAW bersabda bahawa siapa yang puasa Ramadhan, kedua, siapa yang mendirikan Ramadhan dan ketiga, siapa yang mendirikan lailatulqadar dengan keimanan dan pengharapan (*ihtisab*) akan diampunkan baginya segala dosanya yang lalu. Secara umum ianya adalah amal ibadah dalam menghidupkan Ramadhan. Beramal ibadah dengan keimanan dihuraikan sebagai



keyakinan dengan kewajipan dan pahalanya. Beramal ibadah dengan ihtisab atau pengharapan dihuraikan sebagai pelaksanaan ibadah bukan dengan tujuan yang lain seperti riak atau seumpamanya sebaliknya semata-mata mengharapkan ganjaran daripada Allah SWT.

Seorang insan yang bertakwa sentiasa cakna, peduli atau ambil berat dengan perintah serta larangan Allah SWT. Dirinya sentiasa merasakan kewujudan Allah SWT yang sentiasa melihat atau bersamanya di setiap situasi sama ada sewaktu berseorangan atau berada di khalayak. Dirinya seringkali bermuhasabah menilai diri untuk pembaikan dengan menuruti kebaikan setiap kali berlakunya keburukan. Dirinya sesama manusia lain sentiasa berinteraksi dengan akhlak yang baik serta kebaikan. Hadis daripada Abu Dzar dan Muaz bin Jabal Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Bertakwalah kepada Allah SWT di mana sahaja kamu berada dan ikutilah kejahatan dengan kebaikan nescaya dia menghapuskannya dan berakhlaklah dengan manusia dengan akhlak yang mulia.".

(Riwayat al-Tirmizi).

Hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Ramadhan sebagai bulan ibadah mengajarkan ibadah-ibadah yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT sama ada yang wajib atau sunat. Ibadah wajib seperti solat lima waktu, puasa, zakat dan haji bagi yang berkemampuan mesti dilaksanakan manakala ibadah sunat sebagai penyempurnaan serta amalan yang mendekatkan diri (*taqarrub*) seorang hamba kepada Tuhannya.

Solat terawih merupakan ibadah sunat yang sangat digalakkan pelaksanaannya di bulan Ramadhan. Namun bagaimana kedudukan kita



dalam pelaksanaannya? Apakah kita melaksanakannya secara bersendirian atau berjemaah? Apakah dilaksanakan berjemaah tanpa disempurnakan dengan solat witir? Apakah langsung kita tidak mengambil penting dengannya? Terkadang kita lebih teruja melaksanakan solat sunat terawih sedangkan solat lima waktu diringan-ringankan kewajipannya.

Dengan berlalunya Ramadhan marilah sama-sama kita meneruskan momentum dalam beramal ibadah dengan memperkemaskan ibadah yang wajib dan memperbanyakkan ibadah yang sunat. Rasulullah SAW menjanjikan ganjaran ibadah puasa sepanjang tahun bagi yang menuruti ibadah puasa Ramadhan yang wajib dengan puasa sunat enam hari pada bulan Syawwal. Ini dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Ayub al-Ansari Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang berpuasa Ramadhan dan diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawwal maka ia seumpama berpuasa sepanjang tahun." (Riwayat Muslim).

Kaum Muslimin yang berbahagia,

Ramadhan sebagai bulan tarbiah mengajar kita menantikan waktu untuk beribadah di mana waktu Subuh dan Maghrib menjadi penanda bagi permulaan dan penyudah kepada ibadah puasa. Setiap orang akan peka dengan waktu sahur dan waktu berbuka. Tabiat menanti dan bersedia untuk ibadah sebegini seharusnya dipraktikkan dalam pelaksanaan setiap



pekerjaan harian kita. Mudah-mudahan kita akan lebih komited dan peka dengan setiap kerja-kerja yang kita lakukan.

Ramadhan sebagai bulan tarbiah turut mengajarkan sifat berlumbalumba dan mencari yang afdal (keutamaan) dalam beramal ibadah. Justeru, di penghujung Ramadhan ini jangan dilupakan kewajipan membayar zakat fitrah yang boleh dilakukan sebelum terlaksananya solat sunat Idulfitri. Pentingnya menunaikan zakat fitrah ini adalah kerana untuk menyucikan diri kita dan sebagai pelengkap kepada ibadah puasa.

Hadirin yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

- 1. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa takwa dari sudut zahirnya ialah menjaga had atau batasan syarak dan pada batinnya ialah keikhlasan hati beramal ibadah.
- 2. Umat Islam hendaklah memahami bahawa integriti adalah manifestasi daripada nilai takwa seorang hamba yang sentiasa merasakan keberadaan Tuhannya sama ada dalam situasi muraqabah (مُرَاقَبَة) iaitu yakin bahawa Allah SWT melihatnya atau mushahadah (مُشَاهَدَة) iaitu dirinya beribadah seolah-olah melihat Allah SWT.
- 3. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa tanda diterima ibadah puasa ialah istiqamah atau konsisten beramal ibadah selepas berakhirnya Ramadhan.



أَعُوْذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ صَبْغَةَ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ ٱللَّهِ صِبْغَةً وَنَحُنُ لَهُ عَبدُونَ ﴿

"Sibghah Allah. Dan siapakah yang lebih baik sibghahnya daripada Allah? Dan hanya kepada-Nya-lah kami menyembah.

(al-Bagarah: 138)

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ



KHUTBAH KEDUA

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِيْ جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَّا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِيْنِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُواْ اللهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقُونَ. اللهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَكَيِكَتَهُ ويُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّ يَاأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَى عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا ﴿ عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا ﴿

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ.



ٱللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِیْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِیْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْیَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِیْعٌ قَرِیْبٌ مُجِیْبُ الدَّعَوَاتِ وَیَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلاَمَ وَالْمُسْلِمِیْنَ، وَالْمُسْلِمِیْنَ، وَالْمُسْلِمِیْنَ، وَالْمُسْلِمِیْنَ، وَالْمُسْلِمِیْنَ، وَالْمُسْلِمِیْنَ، وَالْمُسْلِمِیْنَ،

نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، مَلِكِنَا الْمُعَظِّم، سُلْطَان سلاغُور، سُلْطَان شَرَفُ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّين عبد العزيز شاه الحاج. اَللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيّ عَهْدِ سلاغُور، شَاه إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادريسِ شاه الحاج، فيْ أَمْنِ وَصَلاَح وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَاالْجَلالِ وَالْإِكْرَامِ. ٱللَّهُمَّ أَطِلٌ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظِّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلاَدِ، وَبِلَغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga



Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اَللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْرَضَ وَاللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ وَالْبَلَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْبَلَاءِ وَالْبَكَاءِ وَالْبَكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَالشَّدَائِدَ وَالْبِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيْفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيْرٌ.

رَبَّنَا هَبُ لَنَا مِنُ أَزُوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعُيُنِ وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَّامًا. رَبَّنَآ ءَاتِنَا فِي ٱلدُّنْيَا حَسَنَةَ وَفِي ٱلْآخِرَةِ حَسَنَةَ وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ۞.



عِبَادَ اللّهِ، إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدُلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيِ ذِي ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكرِ وَٱلْبَغْيُ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

9.

فَاذْكُرُواْ اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.